



■ DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ

Wanita saja perlu didikan pengguna?

APAKAH wanita sahaja yang perlu diberi pendidikan pengguna dan mereka sahajakah yang selalu gagal bertindak sebagai pengguna yang bijak?

Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, berkata, langkah persatuan tersebut adalah bijak, tetapi beliau berharap suatu hari nanti persatuan dapat menganjurkan seminar seumpama itu yang pesertanya 100 peratus kaum lelaki.

Ketika merasmikan seminar tersebut di Universiti Sains Malaysia, Datin Paduka Rafidah berkata, sebenarnya ada anggapan bahawa wanitalah sebagai penggubal undang-undang keluarga di rumah, membuat keputusan tentang apakah masakan untuk keluarga, perlu berjimat dan sebagainya.

"Tetapi, kita jangan lupa, wanita sebagai pengguna cuma 50 peratus sahaja, yang lainnya — segala tindak tanduk mereka dalam membuat sebarang keputusan keluarga — adalah didorong oleh pihak lelaki, sama ada suami atau anak-anak.

■ **Bila di rumah, mereka membuat masakan yang kurang manis, suami mengadu tidak sedap dan sebagainya. Kaum lelaki juga perlu diberi pengetahuan tentang pendidikan pengguna** ■

"Wanita atau isteri diberi pengetahuan tentang pendidikan pengguna, berjimat dan sebagainya, jangan menggunakan gula yang banyak dalam masakan.

Tetapi, bila di rumah, mereka membuat masakan yang kurang manis, suami mengadu tidak sedap dan sebagainya. Di sinilah sebenarnya kaum lelaki juga perlu diberi pengetahuan tentang pendidikan pengguna," katanya

Kata Datin Paduka Rafidah lagi banyak seruan supaya wanita jangan mudah dipengaruhi iklan, terutama iklan solekan. sebenarnya iklan-iklan solekan untuk kaum lelaki juga banyak dan mereka juga amat terpengaruh.

Beliau berpendapat, tiap individu perlu mengetahui hak mereka sebagai pengguna. Tetapi, di negara ini, reaksi-reaksi para pengguna sendiri terhadap masalah yang mereka hadapi tidak serentak dan sama dan kerap kali itu lebih banyak berbentuk berhujah dari bertindak.

Katanya, masih ramal pengguna di negara ini, terutama golongan yang berkemampuan, tidak menunjukkan reaksi yang berkesan terhadap masalah-masalah pengguna. Dan sikap para pengguna sendiri adalah faktor yang utama menyebabkan pasaran yang tidak sempurna.

■ **Pendidikan itu mesti tersebar luas kepada seluruh peringkat rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah. Kerana golongan inilah mangsa pasaran yang menerima kesan paling hebat akibat kenaikan harga dan eksploitasi pasaran** ■

Datin Paduka Rafidah berpendapat pendidikan pengguna itu mestilah merangkumi beberapa perkara antaranya:

■ "Hak-hak dan tanggungjawab pengguna, dengan memberi ketegasan kepada peranan pengguna itu sendiri dalam pasaran, di samping tahu menuntut hak-haknya

■ "Unsur-unsur pendidikan itu mesti meliputi pendidikan amali — untuk membolehkan pengguna mengambil tindakan-tindakan susulan, sama ada secara persendirian atau beramal-ramai.

■ "Pendidikan itu mesti tersebar luas kepada seluruh peringkat rakyat, terutama yang berpendapatan rendah dan luar bandar kerana golongan inilah mangsa pasaran yang menerima kesan paling hebat akibat kenaikan harga dan eksploitasi pasaran.

Datin Paduka Rafidah menegaskan kini kesedaran hebat akibat kenaikan harga dan eksploitasi pasaran masih belum nyata memandangkan sebagai cara dan strategi pemasaran yang mereka gunakan untuk menarik kuasa beli pengguna.

"Nyata ada cara dan strategi itu yang benar-benar berbentuk eksploitasi pengguna dan tidak berdasarkan kepada etika-etika yang diterima," katanya.